



**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**  
**COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA**  
(Agensi di bawah KPDNHEP)

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK AZMAN MOHD YUSOF**  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI**  
**DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**  
**merangkap**  
**PENGERUSI SSM**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN**  
**PROGRAM USAHAWAN MUDA 2022 (PUM22)**  
**PERINGKAT NEGERI SEMBILAN**

**PADA**  
**3 OKTOBER 2022 | 8.30 PAGI**

**LOKASI**  
**DEWAN SRI PUTRA,**  
**POLITEKNIK NILAI, NEGERI SEMBILAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih Saudara/ Saudari Pengacara Majlis.

Yang saya hormati,

YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia,

YBrs. Tn. Hj. Wan Zulkifly Wan Zakaria,  
Pengarah Politeknik Nilai,

Pengarah-Pengarah Negeri & Bahagian SSM;

Para pensyarah daripada:

- Politeknik Negeri Sembilan;
- Kolej Komuniti Negeri Sembilan;
- Pusat Latihan GIATMARA Negeri Sembilan; dan
- Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas.

Serta para peserta PUM22 yang saya kasihi, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Syukur ke hadrat Ilahi kerana atas limpah kurniaNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) peringkat Negeri Sembilan anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam usaha melahirkan usahawan-usahawan muda yang bakal memacu ekonomi negara pada masa depan.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Politeknik Negeri Sembilan, Kolej Komuniti Negeri Sembilan, Pusat Latihan GIATMARA Negeri Sembilan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas yang bekerjasama dengan SSM bagi menjayakan program pada hari ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Politeknik Nilai yang sudi menjadi tuan rumah bagi penganjuran PUM22 peringkat Negeri Sembilan ini.
3. Saya difahamkan PUM22 peringkat Negeri Sembilan pada hari ini telah menarik seramai 600 penyertaan

terdiri daripada kesemua institusi yang disebutkan. Syabas kepada semua pelajar yang terpilih untuk program ini! Saya pasti anda semua begitu bersemangat dan teruja untuk mengikuti sesi-sesi yang telah disediakan untuk PUM22 kali ini.

4. Alhamdulillah, pada tahun 2021, SSM telah berjaya menganjurkan sebanyak empat (4) sesi PUM secara dalam talian. Pada tahun 2022, SSM mensasarkan sebanyak enam (6) sesi PUM22 di Ibu Pejabat Kuala Lumpur, Pahang, Sarawak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan serta Kelantan secara fizikal dan dalam talian. Untuk makluman semua, sesi PUM22 di peringkat Negeri Sembilan adalah sesi ke-5 yang dianjurkan pada tahun ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Pendedahan awal terhadap kemahiran-kemahiran asas sebelum menceburi bidang perniagaan adalah sangat penting dalam melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya saing di kalangan pelajar.
6. Pengetahuan menguruskan sesebuah perniagaan perlu disemai dalam diri setiap usahawan bagi memastikan perniagaan yang dijalankan

mempunyai daya tahan untuk menghadapi apa jua cabaran yang dihadapi oleh sesebuah entiti perniagaan. Kemampuan sesebuah entiti perniagaan untuk beradaptasi dengan cabaran semasa amatlah penting bagi memastikan sesebuah perniagaan terus berdaya saing dalam pasaran domestik mahupun antarabangsa.

7. Justeru, dengan penglibatan para pelajar yang begitu menggalakkan pada hari ini, saya percaya PUM22 ini mampu mencapai objektif dan matlamat penganjurannya dalam memberi pendedahan, menyemai minat serta menerapkan nilai-nilai keusahawanan dalam diri setiap peserta.

Para pelajar yang saya kasihi sekalian,

8. Melalui PUM22, para peserta akan didedahkan dengan kesedaran dan perlindungan hak-hak pengguna agar peserta lebih peka dan prihatin tentang isu-isu kepenggunaan yang wujud di negara ini. Selain itu, para pelajar juga akan didedahkan dengan kaedah dan faedah mendaftarkan perniagaan, strategi perniagaan dan

pengurusan kewangan, pemasaran digital, serta perkongsian oleh usahawan berjaya.

9. Besar harapan saya agar para peserta dapat memanfaatkan PUM22 ini dengan sebaik mungkin, seterusnya memberikan pertimbangan sewajarnya untuk mendaftarkan perniagaan dan seterusnya mempertimbangkan perniagaan sebagai pilihan utama kerjaya setelah tamat pengajian.
10. Untuk makluman semua, SSM juga memberi galakan kepada para pelajar untuk memanfaatkan inisiatif Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP). SPPP telah diperkenalkan pada 23 Disember 2020 untuk memberi peluang kepada usahawan kumpulan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 tanpa dikenakan sebarang fi.
11. Kesedaran para peserta berkenaan pentingnya mendaftarkan perniagaan dengan sah akan membolehkan mereka menikmati pelbagai manfaat yang ditawarkan Kerajaan seperti bantuan

kewangan, bantuan peralatan, latihan dan lain-lain bimbingan keusahawanan. Perniagaan yang sah juga membolehkan usahawan merebut pelbagai bantuan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti TEKUN, MARA, Amanah Ikhtiar Malaysia dan lain-lain.

12. Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua peserta mengambil peluang ini untuk mendaftarkan perniagaan anda bagi memastikan perniagaan yang dijalankan adalah sah di sisi undang-undang. Memiliki entiti perniagaan yang sah adalah penting untuk memberi keyakinan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan atau produk yang ditawarkan.
13. Dari Januari 2021 hingga 31 Ogos 2022, jumlah pendaftaran perniagaan yang berjaya didaftarkan secara percuma melalui SPPP adalah sebanyak 39,315 pendaftaran yang terdiri daripada 18,001 pelajar-pelajar IPT sepenuh masa dan 21,314 usahawan B40. Tahniah saya ucapkan kepada para usahawan yang telah berdaftar dan memanfaatkan SPPP!

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

14. Saya berharap agar PUM22 siri ke-5 ini mampu melahirkan lebih ramai usahawan yang berjaya pada masa hadapan.
  
15. Sebagai mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Politeknik Negeri Sembilan, Kolej Komuniti Negeri Sembilan, Pusat Latihan GIATMARA Negeri Sembilan dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas kerana bekerjasama dalam menjayakan program pada kali ini.
  
16. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Usahawan Muda 2022 peringkat Negeri Sembilan pada hari ini.

Sekian, terima kasih.